

15 MAR 1999
Sabah-Dompok
KEKALAHAN DOMPOK SUKAR DITERIMA

Oleh: Azman Ujang

KOTA KINABALU, 15 Mac (Bernama) -- Pada pagi berikutnya selepas beliau tewas di kawasan pilihan raya Moyog kepada calon Parti Bersatu Sabah (PBS), Tan Sri Bernard Dompok membawa keluarganya ke Kampung Putaton, di daerah Penampang iaitu tempat kelahirannya.

Beliau tidak tidur malam itu kerana penyokong-penyokong parti, rakan-rakan dan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional (BN) termasuk Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menelefon ke rumahnya untuk menyampaikan kata-kata semangat.

Dompok, seorang peminat memancing pergi ke sebuah kolam dekat rumah keluarganya dan menangkap beberapa ekor ikan, sebelum pulang ke rumahnya pada sebelah petang.

" Beliau biasa melakukannya pada Ahad untuk relaks daripada tugasannya sibuknya sepanjang minggu," kata seorang pembantu.

Dan semalam tiada perbezaannya walaupun kekalahan itu bermakna jawatan Ketua Menteri yang disandangnya sejak Mei lepas akan berakhir.

Apabila beliau pulang ke rumahnya di sini semasa matahari benam, beliau dikerumuni oleh penyokong-penyokong, kebanyakannya penyokong-penyokong Barisan Nasional (BN) dari kawasan-kawasan luar sehingga dari Tambunan jauh di pedalaman.

Mereka memeluk beliau dan hampir kesemua mereka gagap tetapi daripada bahasa gerak geri mereka, adalah jelas kekalahan Dompok sukar diterima.

Keadaan yang sama berulang malam semalam dengan pelawat-pelawat berduyun-duyun ke rumahnya sehingga 4 pagi.

" Saya tak faham apa yang dalam minda masyarakat Kadazandusun. Di sini mereka mempunyai pilihan yang jelas untuk mengundi bagi Tan Sri Dompok dan mempunyai seorang di kalangan mereka sebagai Ketua Menteri Sabah tetapi beliau tewas," kata seorang wanita yang menganggap kekalahan itu sebagai " kerugian besar kepada masyarakat kita".

" Ia bukan sahaja tidak masuk akal tetapi bodoh bagi masyarakat kita untuk menolak seorang pemimpin yang berkebolehan seperti Tan Sri (Dompok)," kata beliau kepada BERNAMA.

Kesemua 12 calon Parti Demokratik Sabah (PDS) yang bertanding di pilihan raya itu juga berada di sana, serta anggota-anggota majlis tertinggi PDS yang sebelum itu mengadakan mesyuarat untuk memujuk beliau terus kekal sebagai presiden PDS.

Daripada 12 orang itu, hanya dua calon PDS menang -- Datuk Wences Angang di Kuala Penyu dan Datuk Siringan Gubat di Ranau, kedua-duanya kerana bilangan pengundi Islam yang agak ramai di situ.

Dalam pilihan raya kali ini, kawasan-kawasan pilihan raya dengan majoriti pengundi Islam memilih calon-calon Umno dengan kesemua 24 calonnya menang.

Dompok, 49, berulang kali berkata semasa kempen pilihan raya yang beliau mempertaruhkan "usahanya selama ini" untuk bertanding di Moyog dan akan bersara daripada politik jika beliau tewas.

"Kita masih memerlukan beliau. Kita semua tahu bukan mudah menentang PBS untuk menguasai kawasan-kawasan pilihan raya Kadazandusun tetapi yakin yang masyarakat itu akhirnya akan menyokong BN," kata salah seorang daripada calon yang tewas yang tidak mahu namanya disiarkan.

Orang pertama untuk menyuarakan kesedihan terhadap kekalahan Dompok ialah tidak lain daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir memberitahu penduduk Sabah semasa berkempen di negeri itu

yang Dompok akan terus menjadi Ketua Menteri di bawah sistem penggiliran dan menyeru pengundi memastikan kejayaan beliau dan BN.

Abdullah, yang mengumumkan perlantikan Ketua Perhubungan Umno Sabah Datuk Osu Haji Sukam sebagai Ketua Menteri yang baru untuk menggantikan Dompok hari ini berkata, kekalahan Dompok "sangat menghampakan" BN.

" Beliau orang yang baik. Saya belum pernah bertemu seorang pemimpin penyayang dari masyarakat Kadazandusun," kata Damianus Takong, 44, yang merupakan pemandu peribadi Dompok untuk empat tahun.

" Beliau telah banyak membawa pembangunan di kawasan pilihan raya Moyog sejak dipilih empat tahun lepas dan saya tidak faham bagaimana beliau boleh tewas" katanya lagi.

"Beliau selalu mementingkan kebajikan rakyat. Saya dan kakitangan lain di bawah beliau tidak pernah melihat seorang majikan yang bertimbang rasa seperti beliau," katanya.

Apabila ditanya membandingkan Dompok dengan presiden PBS Datuk Joseph Pairin Kitingan, yang dianggap oleh masyarakat Kadazandusun sebagai "huguan siou" (pemimpin teragung), seorang lagi pembantu Dompok berkata: " Tan Sri Dompok mempunyai sentuhan perikemanusiaan yang tidak boleh dibandingkan dengan Pairin ".

Damianus bersetuju.

"Saya tidak pernah melihatnya marah atau meninggikan suaranya. Walaupun beliau menghadapi serangan peribadi oleh PBS semasa kempen pilihan raya, beliau membalas bukan dengan mengutuk pemimpin-pemimpin PBS secara peribadi tetapi hanya bertumpu kepada agenda pembangunan bagi Kadazandusun.

Beberapa pemimpin PDS yang ditemui malam tadi di rumah Dompok berkata peluang beliau untuk menang di Moyog cerah semasa kempen tetapi tiba-tiba bertukar tiga hari sebelum pengundian menurut tinjauan rambang di kawasan pilihan raya itu.

"Apabila kita bertanya siapa mereka akan mengundi, ramai orang yang ditemui menunjukkan tanda berjabat tangan," kata seorang daripada mereka merujuk kepada simbol jabat tangan parti PBS.

" Pada masa itulah kita sedar PBS akan menawan Moyog."

Calon PBS Datuk Clarence Bongkos Malakun yang menewaskan Dompok sebenarnya mencatatkan bilangan undi yang tertinggi dalam pilihan raya ini. Beliau mendapat 10,870 undi berbanding 6,482 undi bagi Dompok.

Seorang pembantu berkata, mengetahui undi Kadazandusun akan memihak PBS, Dompok menaruh harapan pada 7,000-pengundi Cina tetapi hanya lebih kurang 1,000-pengundi Cina yang keluar mengundi.

" Saya berpendapat yang masyarakat Cina mahu masyarakat Kadazandusun menentukan sendiri nasib mereka di Moyog," kata seorang penyokong Dompok.

Sebenarnya Dr Mahathir sendiri telah melihat tanda-tanda Dompok akan menghadapi masalah mempertahankan Moyog atas tiket BN kerana dalam tiga pilihan raya sebelum itu beliau memenangnya sebagai calon PBS.

Oleh sebab ini Dr Mahathir pada awalnya telah menawarkan Dompok sebuah kerusi yang lebih "selamat" tetapi ia ditolak oleh Dompok atas alasan beliau mesti mempertahankan kawasan itu yang merupakan tempat lahir dan beliau membesar.

" Nampaknya, Dr Mahathir memang betul tetapi itulah politik," kata seorang lagi calon PDS yang tewas.

Seorang pengarang akhbar tempatan berkata Dompok merupakan Ketua Menteri yang paling mudah didekati.

" Beliau bijak, senang didekati oleh media dan menawan," kata beliau.

--BERNAMA

AU PR